

## **SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT**

---

**S.A. 2016/10/90(HQ)**

### **TNB CATAT PRESTASI LEBIH BAIK BERIKUTAN PERTUMBUHAN PERMINTAAN LEBIH TINGGI**

- **Keuntungan Selepas Cukai berjumlah RM7.32 bilion (TK2015 : RM6.06 bilion)**
- **Pertumbuhan 4.0% dalam permintaan elektrik di Semenanjung Malaysia (TK2015: 2.2%)**
- **Pelaburan Perbelanjaan Modal ‘capex’ berjumlah RM11.39 bilion (TK2015 : RM10.77 bilion)**

**Kuala Lumpur, 27 Oktober 2016** – **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** hari ini mengumumkan Keuntungan Selepas Cukai berjumlah RM7.32 bilion bagi Tahun Kewangan 2016 (TK2016) berbanding RM6.06 bilion yang dilaporkan pada TK2015. Peningkatan ini terutama disebabkan oleh 4.0% pertumbuhan permintaan elektrik di Semenanjung Malaysia dengan penyumbang utamanya oleh keadaan cuaca panas yang berlaku pada suku ketiga TK2016.

Pada tahun ini, terdapat enam projek penjanaan yang telah dijalankan serta menyumbang kepada pelaburan modal yang lebih tinggi sebanyak RM11.39 bilion berbanding RM10.77 bilion yang dilaburkan pada tahun lalu. Daripada enam projek penjanaan, Kumpulan telah berjaya menyiapkan empat projek penjanaan dengan jumlah kapasiti 1,892MW. Pelaburan Perbelanjaan Modal akan memastikan keperluan kapasiti tenaga negara dipenuhi dan kecekapan, keselamatan dan kebolehpercayaan seluruh sistem dikekalkan.

Pada tahun kewangan yang sama, Kumpulan mencatat peningkatan pendapatan sebanyak 2.9% kepada RM44.53 bilion pada TK2016, berbanding RM43.29 bilion yang dilaporkan pada TK2015. Walau bagaimanapun, perbelanjaan operasi kekal stabil dan meningkat sedikit sebanyak 1.9% kepada RM36.17 bilion berbanding RM35.48 bilion yang dicatat pada TK2015, meskipun pertumbuhan permintaan elektrik di Semenanjung Malaysia adalah 4.0%.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd berkata; "Prestasi tahun ini banyak dipengaruhi oleh momentum positif permintaan elektrik di Semenanjung Malaysia. Namun, menjelang akhir tahun, kita melihat corak penggunaan kembali normal mengikut corak perubahan cuaca. Seterusnya, kami menjangkakan permintaan elektrik akan terus meningkat sejajar pertumbuhan ekonomi negara."

Mengulas mengenai aspirasi perniagaan TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd berkata; "Memenuhi keperluan tenaga negara dan perkembangan perniagaan syarikat menjadi pertimbangan utama kami. Dengan peluang pertumbuhan yang terhad dalam pasaran domestik, Kumpulan menyedari keperluan untuk meneroka lebih jauh untuk mengenal pasti pelbagai prospek perniagaan yang berdaya maju bagi meningkatkan dan memantapkan pendapatan jangka panjang Kumpulan. Ini, secara keseluruhannya memberikan nilai positif kepada para pemegang saham kami."

Kerajaan Malaysia melalui Belanjawan 2017 menjangkakan unjuran pertumbuhan ekonomi negara adalah antara 4.0% dan 5.0%, sejajar dengan pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan. Oleh itu, dijangkakan bahawa pertumbuhan permintaan elektrik adalah seiring dengan jangkaan di atas. Berdasarkan senario ini, Lembaga Pengarah kekal berwaspada dengan prospek Kumpulan bagi Tahun Kewangan 2017.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2016, Ahli Lembaga Pengarah telah mengesyorkan dividen akhir satu peringkat sebanyak 22.0 sen sesaham biasa (TK2015: 19.0 sen). Jumlah dividen akhir ini adalah bergantung kepada kelulusan para pemegang saham TNB pada Mesyuarat Agung yang akan datang. Penutupan Buku dan Tarikh Pembayaran akan diumumkan kemudian.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 27 Oktober 2016**

*Sila kemukakan sebarang pertanyaan berkaitan kepada Nor Hanim Idris di 019-2617617/*

*Teng Yoon Soon di 019-293 1228 / Puti Mazlina Mashudi di 013-3642727*

[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)

## Sorotan Kewangan

RM' Juta	12-bulan berakhir 31 Ogos	
	<u>TK2016</u>	<u>TK2015</u>
<b>Jumlah pendapatan</b>	44,531.5	43,286.8
<b>Perbelanjaan operasi</b>	(36,171.0)	(35,483.4)
<b>Pendapatan operasi lain</b>	711.5	824.2
<b>Lebihan operasi (EBIT)</b>	<u>9,072.0</u>	<u>8,627.6</u>
<b>Kos kewangan</b>	(1039.3)	(944.9)
<b>Kerugian translasi tukaran wang asing</b>	(390.0)	(819.3)
<b>Keuntungan bersih (sebelum kerugian translasi tukaran wang asing)</b>	7,757.6	6,937.7
<b>Keuntungan bersih yang diagihkan kepada pemilik syarikat</b>	7,367.6	6,118.4
<b>Pendapatan sesaham</b>	130.55 sen	108.41 sen

### Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Aktiviti teras TNB merangkumi bidang penjanaan, penghantaran dan pembahagian tenaga elektrik. Selain syarikat penjana elektrik utama negara, TNB turut menghantar dan membahagikan elektrik ke seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Ogos 2016, TNB membekalkan elektrik kepada 9.2 juta pelanggan.

Melalui anak-anak syarikatnya, TNB turut terlibat dalam aktiviti pembuatan alat ubah, perkakas suis dan kabel bervoltan tinggi; perkhidmatan perundingan professional, pembinaan, operasi dan penyelenggaraan kemudahan penyejukan daerah, peralatan penjanaan, pembaikan dan penyelenggaraan, perkhidmatan pembekalan bahan api; perkhidmatan berkenaan dengan tenaga diperbaharui, kecekapan tenaga dan kualiti kuasa; pengajian tinggi dan latihan kemahiran serta menjalankan kajian dan pembangunan (R&D).

Sebagai pembekal tenaga elektrik yang bersepadu, TNB telah dan akan meneruskan peranan pentingnya dalam menggerak kemajuan negara.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my)